

**FAKULTI SAINS KOMPUTER
&
TEKNOLOGI MAKLUMAT**

Perpustakaan SKTM

**NOR RAHIMAH BINTI ABDUL RAHIM
WET000263**

**KIOSK INFORMASI SAJIAN MALAYSIA II
FESTIVE FOOD ONLINE**

**KERTAS PROJEK INI ADALAH SEBAHAGIAN
DARIPADA KEPERLUAN KURSUS IJAZAH
SARJANA MUDA TEKNOLOGI MAKLUMAT
(PENGURUSAN)**

SESI 2002/2003

**PENYELIA :
PROF. MADYA DR. ZAITUN ABU BAKAR**

**MODERATOR :
PUAN SRI DEVI RAVANA**

ABSTRAK

Laman web kiosk Festive Food Online merupakan satu laman web yang mengandungi informasi-informasi resepi perayaan masyarakat di Malaysia. Mengandungi ciri-ciri yang menarik seperti interaktif, mudah capaian, kebolehsediaan, mesra pengguna dan lain-lain lagi.

Laporan ini akan menerangkan beberapa langkah yang telah dilaksanakan dalam pembangunan projek ini. Laporan ini dibahagikan kepada lima bahagian. Bahagian pertama menerangkan pengenalan projek ini secara keseluruhannya. Bahagian ini termasuklah topik seperti tujuan projek, objektif projek, skop projek, sasaran pengguna dan penjadualan projek.

Bahagian kedua laporan ini ialah kajian literasi. Dalam bahagian ini, beberapa topik yang relevan dengan projek ini telah dikupas untuk dianalisis dan untuk menambah pengetahuan daripada kajian laman web yang sedia ada.

Metodologi yang digunakan dalam pelaksanaan projek akan diterangkan dalam bab tiga laporan ini. Di sini, model prototaip pantas serta teknik pengumpulan maklumat dibincangkan.

Bahagian ke empat laporan ialah analisa sistem. Bahagian ini mengandungi pengenalan, keperluan fungsian dan bukan fungsian, aliran data dalam rajah aliran data serta keperluan sistem. Bahagian kelima ialah rekabentuk sistem yang menghuraikan rekabentuk struktur sistem, rekabentuk pangkalan data, rekabentuk antaramuka pengguna dan rekabentuk borang input.

Bahagian keenam laporan ialah pelaksanaan sistem. Bahagian ini mengandungi pengenalan, persekitaran pembangunan projek, konfigurasi perkakasan dan perisian

yang digunakan, peyediaan data, hubungan dengan pangkalan data dan pengkodan. Selain itu, perubahan daripada modul yang terdahulu yang telah dilakukan ke atas sistem yang telah dibangunkan juga dibincangkan di sini.

Bahagian ke tujuh ialah pengujian sistem. Bab ini membincangkan teknik pengujian yang digunakan dalam pembangunan sistem ini. Bab ini juga menerangkan proses pengujian yang biasa dijalankan oleh pembangun sistem.

Bahagian ke lapan laporan ini ialah penilaian sistem dan perbincangan. Bab ini membincangkan kekuatan dan kelemahan sistem serta peningkatan di masa hadapan.

Masalah yang timbul dan cara penyelesaian yang digunakan serta pengetahuan yang diperolehi daripada projek ini juga dibincangkan dalam bab ini.

PENGHARGAAN

Abstrak

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Zaitun Abu Bakar yang telah memberi peluang dan tunjuk ajar serta bimbingan kepada saya dalam menyiapkan Projek Akhir Latihan Ilmiah 2 ini.

Tidak dilupakan juga kepada moderator saya, Puan Sri Devi Ravana yang telah memberi komen dan idea membina kepada saya sepanjang sesi viva tempohari.

1.2 Tujuan Projek

Terima kasih kepada keluarga tersayang dan saudara Azrie Mohd Yunus yang banyak memberi perhatian dan dorongan dalam menyiapkan projek pembangunan laman web Festive Food Online ini.

1.6 Pernyataan Masalah

Teristimewa ucapan penghargaan buat rakan-rakan seperjuangan Aniza, Ain, Ina, Marie dan Julie yang banyak memberikan tunjuk ajar sepanjang menyiapkan laporan Projek Akhir Latihan Ilmiah 2 ini. Jasa kalian akan dikenang sehingga akhir hayat.

1.10 Ringkasan Bab 1

Ucapan Terima kasih buat semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung semasa tempoh pelaksanaan laporan projek ini.

2.2 Sejarah Internet

2.3 Apa Itu WWW

Nor Rahimah Abdul Rahim

2.4 Kajian Penerimaan Di Internet

Jabatan Sains Maklumat dan Perpustakaan

2.4.1 Perbandingan Kajian

2.5 Kajian Pembangunan Sistem

SENARAI KANDUNGAN

Abstrak	i
Penghargaan	ii
Senarai Jadual	iv
Senarai Rajah	v
BAB 1 : PENGENALAN	
1.1 Pengenalan Projek	1
1.2 Tujuan Projek	2
1.3 Objektif Projek	3
1.4 Skop Projek	4
1.5 Kepentingan Projek	5
1.6 Pernyataan Masalah	5
1.7 Sasaran Pengguna	5
1.8 Penjadualan Projek	6
1.9 Hasil Yang Dijangka	9
1.10 Ringkasan Bab 1	9
BAB 2 : KAJIAN LITERASI	
2.1 Apa Itu Internet	10
2.2 Sejarah Internet	11
2.3 Apa Itu WWW	13
2.4 Kajian Penemuan Di Internet	15
2.4.1 Perbandingan Kajian	19
2.5 Kajian Pembangunan Sistem	20

2.5.1	Kriteria	21
2.5.2	Ciri-Ciri Pada Laman Web	22
2.5.3	Persekitaran Pembangunan	23
2.5.4	Kebaikan Dalam Aplikasi Web	24
2.5.5	Kajian Masalah Laman Web	26
2.6	Ringkasan Bab 2	27
BAB 3 : METODOLOGI		
3.1	Pengenalan	28
3.2	Model Pembangunan Projek	
3.2.1	Jenis Pendekatan – Model Prototaip	28
3.2.1.1	Pemprototaipan pantas	29
3.2.2	Kebaikan Model Prototaip	30
3.3	Teknik Pengumpulan Maklumat	31
3.4	Ringkasan Bab 3	32
BAB 4 : ANALISA SISTEM		
4.1	Analisis Keperluan	34
4.1.1	Keperluan Fungsian	34
4.1.2	Keperluan Bukan Fungsian	35
4.2	Keperluan Sistem	36
4.2.1	Keperluan Perkakasan	37
4.2.2	Keperluan Perisian	37
4.3	Permodelan Proses	38
4.3.1	Rajah Konteks	38

7.1	4.3.2	Rajah Sifar	40
7.2	4.3.3	Gambarajah Anak	41
4.4		Ringkasan Bab 4	43

BAB 5 : REKABENTUK SISTEM

5.1		Pengenalan	44
5.2		Rekabentuk Struktur Sistem	44
5.3		Rekabentuk Borang Input	49
5.4		Rekabentuk Antaramuka Sistem	50
5.5		Rekabentuk Pangkalan Data	54
5.6		Kamus Data	55
5.7		Ringkasan Bab 5	56

BAB 6 : PELAKSANAAN SISTEM

6.1		Pengenalan	57
6.2		Persekitaran Pembangunan	57
6.3		Konfigurasi Perkakasan	57
6.4		Konfigurasi Perisian	58
6.5		Pembangunan Projek	58
6.6		Penyediaan Data	58
6.7		Hubungan Pangkalan Data	59
6.8		Pengekoden	59
6.9		Perubahan daripada modul terdahulu	60
6.10		Ringkasan Bab 6	61

BAB 7 : PENGUJIAN SISTEM

7.1	Pengenalan	62
7.2	Proses Pengujian	62
7.3	Jenis-jenis pengujian	63
7.3.1	Pengujian Unit	64
7.3.2	Pengujian Integrasi	66
7.3.3	Pengujian Sistem	66
7.4	Ringkasan bab 7	67

BAB 8 : PENILAIAN DAN PERBINCANGAN SISTEM

8.1	Pengenalan	68
8.2	Kekuatan Sistem	68
8.3	Kelemahan Sistem	69
8.4	Peningkatan Di Masa Hadapan	70
8.5	Masalah yang ditemui dan penyelesaian	71
8.6	Pengetahuan dan pengalaman yang didapati	72
8.7	Ringkasan bab 8	73

MANUAL PENGGUNA

APPENDIKS

A SOALAN TEMURAMAH

B CONTOH-CONTOH KOD

RUJUKAN

Rajah 5.1	Struktur Menu Utama Laman Web Kiosk Festive Food Online	46
Rajah 5.2	Struktur Menu Laman Utama Ke Modul Pentadbir	45
Rajah 5.3	Carta Alir Modul Pentadbir	47
Rajah 5.3.1	Carta Alir Modul Pengguna	48
Rajah 5.6	Borang Cadangan Resepi Baru	49
Rajah 5.7	Antaramuka Menu Utama	51

SENARAI RAJAH DAN JADUAL

Jadual 1.1	Jadual Perkembangan Pembangunan Laman Web Festive Food Online	7
Jadual 2.1	Senarai Laman Web Yang Telah Dibuat Kajian	18
Jadual 5.1	Kamus Data Pentadbir	55
Jadual 5.2	Kamus Data Komen	55
Jadual 5.3	Kamus Data Cadangan Resipi	55
Jadual 5.4	Kamus Data db_user	56
Jadual 6.1	Konfigurasi Perisian	58
Rajah 3.1	Model Prototaip	29
Rajah 3.2	Model Pemprototaipan Cepat	30
Rajah 4.1	Rajah Konteks Modul Pentadbir	39
Rajah 4.2	Rajah Konteks Modul Pengguna	39
Rajah 4.3	Rajah Sifar Modul Pentadbir	40
Rajah 4.4	Rajah Sifar Modul Pengguna	40
Rajah 5.1	Struktur Menu Pentadbir	44
Rajah 5.2	Struktur Menu Laman Utama Ke Modul Pentadbir	45
Rajah 5.4	Struktur Menu Utama Laman Web Kiosk Festive Food Online	46
Rajah 5.5	Carta Alir Modul Pentadbir	47
Rajah 5.5.1	Carta Alir Modul Pengguna	48
Rajah 5.6	Borang Cadangan Resepi Baru	49
Rajah 5.7	Antaramuka Menu Utama	51

Rajah 5.7.1	Antaramuka Resipi Festival	51
Rajah 5.7.2	Antaramuka Penawar Semulajadi	52
Rajah 5.7.3	Antaramuka Menu Rempah Ratus	52
Rajah 5.7.4	Antaramuka Ruangan Maklumbalas Pengguna	53
Rajah 5.7.5	Antaramuka Menu Cadangan Resepi Pengguna	53
Rajah 6.1	Contoh kod ASP yang digunakan	59
Rajah 7.1	Proses pengujian yang paling kerap digunakan	63

BAB 1

University of Malaya

BAB 1: PENGENALAN

1.1. Pengenalan Projek

Menyunkat majmuk Malaysia sememangnya mempunyai pelbagai jenis perayaan yang tentunya unik dan tersendiri. Laman web kiosk Festive Food Online merupakan suatu laman web yang memberikan informasi tentang resepi-resepi yang menjadi pilihan pada setiap festival yang berlangsung di Malaysia. Laman web ini memberikan pelbagai maklumat tentang resepi-resepi pilihan setiap festival di Malaysia contohnya Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Pesta Kaamatan dan sebagainya. Kesemua festival ini merupakan perayaan utama yang dirayakan oleh semua rakyat Malaysia.

BAB 1

Oleh itu, laman web ini menyediakan resepi-resepi pilihan yang sesuai untuk setiap festival. Laman web ini boleh diakses oleh semua orang melalui komputer atau telefon pintar. Ini akan memudahkan orang ramai untuk mencari resepi-resepi yang mereka perlukan. Mereka hanya perlu melayari laman ini dan klik merebut resepi-resepi yang dikehendakinya. Selain itu, pengguna juga boleh memberi pengalaman dan memberikan maklum balas kepada sistem mengenai resepi-resepi tersebut. Para pengguna juga diberi peluang bagi menyatakan cadangan resepi-resepi yang disukai oleh mereka. Laman web ini merupakan sebuah laman web yang berinformasi dan mesra pengguna serta interaktif iaitu membolehkan pengguna mencapai serta melayari laman itu tanpa mengelirukan mereka sebaliknya menyenangkan mereka bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan.

Para pengguna yang melayari laman web ini akan dapat menikmati pelbagai perkhidmatan lain seperti tips dan petua memasak, artikel rempah ratus yang menyediakan paparan maklumat mengenai rempah ratus atau bush-bush yang terdapat dalam Malaysia. Setiap resepi juga disertakan dengan nilai kandungan kalorinya.

BAB 1 : PENGENALAN

1.1 Pengenalan Projek

Masyarakat majmuk Malaysia sememangnya mempunyai pelbagai jenis perayaan yang tentunya unik dan tersendiri. Laman web kiosk Festive Food Online merupakan suatu laman web yang memberikan informasi tentang resepi-resepi yang menjadi pilihan pada setiap festival yang berlangsung di Malaysia. Laman web ini memberikan pelbagai maklumat tentang resepi-resepi pilihan setiap festival di Malaysia contohnya Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Pesta Kaamatan dan sebagainya. Kesemua festival ini merupakan perayaan utama yang disambut oleh semua rakyat Malaysia.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat seperti resepi-resepi juadah pilihan yang utama ketika perayaan boleh mendapatkannya di laman ini. Laman web ini boleh dilayari pada bila-bila masa sahaja tanpa had masa ditetapkan. Ini akan memudahkan orang ramai mendapat gambaran sebenar setiap resepi ini. Mereka hanya perlu melayari laman ini dan klik menu atau kategori resepi yang dikehendaknya.

Selain itu, pengguna juga boleh berkongsi pengalaman dan memberikan maklumbalas kepada sistem mengenai resepi-resepi tersebut. Para pengguna juga diberi peluang bagi menyatakan cadangan resepi-resepi yang disukai oleh mereka. Laman web ini merupakan suatu laman web yang berinformasi dan mesra pengguna serta interaktif iaitu membolehkan pengguna mencapai serta melayari laman itu tanpa mengelirukan mereka sebaliknya menyenangkan mereka bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan.

Para pengguna yang melayari laman web ini akan dapat menikmati pelbagai perkhidmatan lain seperti tips dan petua memasak, artikel rempah ratus yang menyediakan paparan maklumat mengenai rempah ratus atau buah-buahan yang terdapat dalam Malaysia. Setiap resepi juga disertakan dengan nilai kandungan kalorinya.

Selain itu, pengguna juga boleh mendapat maklumat mengenai sesuatu festival atau perayaan ketika resepi tersebut dihidangkan. Contohnya maklumat perayaan di negeri Sabah dan Sarawak yang terkenal dengan kepelbagaian kaum dan budayanya yang tersendiri.

Para pengguna diberi bonus pada ruangan Sihat Ria serta ruangan Penawar yang memaparkan artikel mengenai kesihatan serta khasiat rempah ratus di Malaysia. Maka dengan ini, pengguna mendapat panduan dan pengetahuan secara percuma.

1.2 Tujuan Projek

Tujuan utama pembangunan sistem adalah untuk memberikan maklumat resepi dan informasi kepada pengguna mengenai juadah atau hidangan yang sering disediakan ketika sesuatu perayaan. Ini merupakan secara tidak langsung memberi peluang kepada pengguna yang ingin mencuba resepi masakan kaum-kaum lain. Ini bersesuaian dengan budaya masyarakat Malaysia yang sering merayakan perayaan pelbagai kaum bersama. Dengan hanya melayari laman web ini, pelbagai maklumat dan pengetahuan yang diperlukan boleh diperolehi. Ini juga merupakan satu kemudahan bagi pengguna kerana ianya percuma tanpa perlu bayaran. Pengguna juga dapat menggunakan laman web ini dengan sepenuhnya kerana pelbagai perkhidmatan istimewa yang mementingkan keperluan pengguna disediakan.

1.3 Objektif Projek

Antara objektif pembangunan sistem ini ialah:

- i. **Memberikan maklumat kepada pengguna.**

- Tujuan laman web kiosk Festive Food Online ini dibangunkan adalah untuk memberikan kemudahan kepada para pengguna bagi mendapatkan maklumat tentang sesuatu resepi yang menjadi pilihan utama ketika sesuatu perayaan berlangsung

ii. Menjimatkan masa

- Melalui pembinaan laman web Festival Food Online ini, pengguna dapat menjimatkan masa untuk mencari resepi-resepi setiap kaum pada musim perayaan. Mereka hanya perlu melayari laman web ini.

iii. Memperkenalkan masakan tradisional setiap kaum.

- Para pengguna juga boleh mengetahui dan mengenali dengan terperinci resepi pilihan utama yang menjadi khazanah turun-temurun sesuatu kaum apabila menyambut sesuatu perayaan.

iv. Peluang untuk perbincangan dan bertukar fikiran.

- Pengguna boleh bertukar pandangan dan resepi di laman web ini melalui ruangan maklumbalas yang telah disediakan. Mereka boleh menghantar apa-apa resepi yang dikehendaki ataupun memohon resepi daripada pengguna yang lain. Pengguna boleh berinteraksi secara terus dengan pengguna lain dengan menggunakan e-mail.

v. Capaian data dengan mudah

Pengguna tidak perlu bersusah payah untuk mencari maklumat resepi dari buku-buku resepi yang dijual. Mereka hanya perlu melayari laman web kiosk Festive Food Online dan klik pada butang carian

- resepi yang ada dalam pangkalan data laman web ini. Kesemua resepi yang disediakan adalah percuma dan mudah dicapai pengguna.

vii. Penggunaan teknologi maklumat

- Dalam era teknologi maklumat dan komunikasi kini, kita tidak seharusnya alpa untuk menggunakan segala kemudahan yang ada untuk menyampaikan maklumat dengan efektif dan berkesan. Oleh itu, pembinaan laman web kiosk Festive Food Online ini sememangnya bersesuaian dengan arus teknologi maklumat kini.

1.4 Skop Projek

Pembangunan laman web kiosk Festive Food Online ini tertumpu kepada empat skop yang utama. Skop ini akan dijadikan sebagai panduan dalam pembangunan projek laman web Festive Food Online. Skop ini diterangkan seperti berikut:-

- i) Memaparkan maklumat resepi mengikut festival dalam bentuk laman web yang menarik dan interaktif. Laman web ini adalah gabungan tekstual dan grafik berserta dengan informasi kesihatan, petua tradisional, penawar semulajadi dan rempah ratus.
- ii) Laman web ini menawarkan dua jenis bahasa pengantar iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris khusus untuk semua kaum di Malaysia
- iii) Selain itu, laman ini berguna untuk pengguna yang gemar mencuba masakan kaum-kaum lain.

1.5 Kepentingan Projek

- i) Pengguna dapat mencapai maklumat mengenai resipi setiap festival di Malaysia

dengan percuma jika dibandingkan dengan cara manual.

- ii) Laman web kiosk Festive Food Online ini adalah berfaedah di mana pengguna boleh mengadakan perbincangan dengan pengguna lain dan pihak pentadbir
- iii) Pengguna juga mendapat perkhidmatan lain seperti informasi kesihatan, nilai kalori dan nutrisi setiap hidangan dan sebagainya.

1.6 Pernyataan Masalah

- i) Kepelbagaian kaum di Malaysia menjadikan masyarakat peka dengan kehendak kaum lain. Contohnya, kaum India akan memasak makanan kaum melayu disamping masakan tradisinya untuk dihidangkan kepada para tetamu kaum melayu.
- ii) Tiada lagi satu laman web yang khusus untuk memaparkan resipi setiap perayaan di Malaysia
- iii) Buku-buku resepi agak mahal di pasaran dan ibu-ibu yang bekerjaya tiada masa untuk pergi membelinya.

1.7 Sasaran Pengguna

Sasaran pengguna ialah ibu-ibu yang bekerja tetapi suka untuk memasak sendiri di rumah. Kebanyakan daripada pengguna ini tiada masa untuk mencari buku-buku resepi. Oleh itu, mereka boleh mendapatkan resepi-resepi yang mereka kehendaki dengan melayari laman web kiosk Festive Food Online ini dengan percuma.

1.8 Jadual Pembangunan Projek

Dalam pembangunan laman web kiosk Festive Food Online, perancangan telah dibuat supaya projek ini dapat mencapai objektif dan matlamat yang telah ditentukan. Beberapa fasa yang penting, terutamanya yang dinyatakan dalam model pembangunan projek diikuti.

Lima fasa utama yang digunakan dalam model ini ialah:-

Fasa 1 – Analisis keperluan

Fasa 2 – Rekabentuk

Fasa 3 – Pengkodan

Fasa 4 – Pengujian

Fasa 5 – Penyelenggaraan.

Penjelasan bagi setiap kelima-lima fasa diterangkan dalam Bab 3.

Perancangan juga dibuat mengikut tempoh masa yang diperlukan untuk setiap fasa.

Jadual pembangunan projek laman web kiosk Festive Food Online ditunjukkan pada

Jadual 1.1

Tugas/Bulan	JUN 2002	JULAI 2002	OGOS 2002	SEPTEMBER 2002	OKTOBER 2002	NOVEMBER 2002	DISEMBER 2002	JANUARI 2002
Analisis Keperluan	██████████							
Rekabentuk			██████████					
Pengkodan					██████████	██████████		
Pengujian Sistem						██████████		
Penyelenggaraan							██████████	
Dokumentasi								██████████

Jadual 1.1 Jadual Perkembangan Pembangunan Laman Web Festive Food Online

1.9 Hasil yang dijangka

Hasil yang dijangka daripada pembangunan laman web Festive Food Online ini adalah sebuah laman web yang mampu menyediakan himpunan resepi-resepi daripada setiap festival utama di Malaysia. Selain itu, laman web ini juga akan menyediakan ruangan cadangan resepi dan maklumbalas antara pengguna dan pentadbir supaya ianya lebih interaktif di samping antaramuka yang menarik dan ramah pengguna.

1.10 Ringkasan Bab 1

Bab satu merupakan pengenalan kepada projek pembangunan laman web kiosk Festive Food Online ini. Dalam bab ini menerangkan dengan panjang lebar tentang tujuan projek, objektif projek, skop projek, sasaran pengguna, kepentingan projek, pernyataan masalah berkaitan projek ini, penjadualan projek yang dijangka serta hasil yang dijangka daripada pembangunan projek ini. Kesemua subtajuk ini memberikan keterangan sepenuhnya tentang pelaksanaan pembangunan laman web kiosk Festive Food Online.

BAB 2 : KAJIAN LITRASI

Ulasan literasi ialah suatu kajian latar belakang tentang pengetahuan dan maklumat tambahan untuk membangunkan sistem ini. Tujuannya ialah untuk mendapatkan kefahaman yang lebih baik ke atas alat-alat pembangunan yang boleh digunakan untuk membangunkan sesuatu projek dan juga mendapatkan pengetahuan yang lebih baik ke atas teknologi pembangunan yang digunakan semasa membangunkan sesuatu projek.

Untuk mencapai maklumat sistem dan melaksanakan sistem yang diinginkan ini mencapai objektifnya, kajian dan analisis perlu dirancang dan dilaksanakan dengan sempurna. Kajian dan penelitian maklumat telah dibuat mengenai konsep konsep atau teknik-teknik yang berkaitan dengan pembangunan sistem.

BAB 2

Internet merupakan salah satu cara komunikasi yang paling berkesan, cepat dan lebih mudah untuk digunakan oleh golongan atau lapisan masyarakat tidak mengira orang dewasa mahupun kanak-kanak. Internet ini juga dikenali sebagai lebuhraya siber kerana maklumat yang disampaikan melalui talian Internet amat berkesan kerana cepat sampai dan menyebarkan mesej. Walaupun zaman sebelum adanya talian Internet di seluruh dunia, masyarakat dunia banyak bergantung kepada perkhidmatan lain seperti telefon, faks, surat dan sebagainya. Namun, setelah Internet mula diperkenalkan dengan meluas, semua perhubungan dapat dirutinkan sendiri dan lebih selamat dan dipercayai. Contohnya perhubungan dengan sesama rakan yang tinggal jauh, boleh menggunakan email kerana mesej dapat memberi perhubungan yang selamat. Pada masa sekarang talian Internet semakin banyak diperkenalkan contohnya seperti Jaring, Trinet dan yang terbaru sekali yang diperkenalkan ialah Maxinet.

BAB 2 : KAJIAN LITERASI

Ulasan literasi ialah suatu kajian latar belakang tentang pengetahuan dan maklumat tambahan untuk membangunkan sistem ini. Tujuannya ialah untuk mendapatkan kefahaman yang lebih baik ke atas alat-alat pembangunan yang boleh digunakan untuk membangunkan sesuatu projek dan juga mendapatkan pengetahuan yang lebih baik ke atas metodologi pembangunan yang digunakan semasa membangunkan sesuatu projek.

Untuk mencapai matlamat sistem dan memastikan sistem yang dibangunkan ini mencapai objektifnya, kajian dan analisis perlu dirancang dan dilakukan dengan sempurna. Kajian dan pencarian maklumat telah dibuat mengenai konsep-konsep atau teknik-teknik yang boleh digunakan, perisian dan juga alatan yang sesuai.

2.1 Apa itu Internet?

Internet merupakan salah satu cara perhubungan yang paling berkesan, cepat dan lebih mudah untuk digunakan oleh semua golongan atau lapisan masyarakat tidak mengira orang dewasa mahupun kanak-kanak. Internet ini juga dikenali sebagai lebuhraya siber kerana maklumat yang disampaikan melalui talian Internet amat berkesan kerana cepat sampai dan menjimatkan masa. Walaubagaimanapun sebelum adanya talian Internet di seluruh dunia, masyarakat dunia banyak bergantung kepada perkhidmatan lain seperti telefon, faks, surat dan sebagainya. Namun, setelah Internet mula diperkenalkan dengan meluas, semua perhubungan dapat diuruskan sendiri dan lebih selamat dan dipercayai. Contohnya perhubungan dengan sesama rakan yang tinggal jauh, boleh menggunakan email kerana email dapat memberi perhubungan yang selamat. Pada masa sekarang talian Internet semakin banyak diperkenalkan contohnya seperti Jaring, Tmnet dan yang terbaru sekali yang diperkenalkan ialah Maxisnet.

Menurut kajian yang telah dijalankan oleh semua, dapat dipercayai bahawa Internet pada mulanya merupakan salah satu sistem yang pertahanan yang dimiliki oleh kerajaan Amerika Syarikat. Sebelum adanya Internet, ARPAnet (US Defense Advanced Research Projects Agency) atau dikenali sebagai Jabatan Pertahanan Amerika pada tahun 1969 telah membuat satu jaringan komputer yang berfungsi untuk menghindarkan terjadinya informasi berpusat, yang apabila terjadinya peperangan ia dapat mudah dihancurkan. Oleh itu apabila satu bahagian daripada sambungan network terganggu disebabkan oleh serangan musuh, jalur yang melalui sambungan itu secara automatiknya bersambung atau dipindahkan kepada sambungan yang lain. Setelah itu Internet telah digunakan oleh kebanyakan golongan akademik ULCA untuk keperluan penelitian dan pengembangan teknologi. Dan selepas daripada itulah, kerajaan Amerika Syarikat telah memberi kebenaran untuk digunakan secara komersial pada awal tahun 1990. Daripada berikut dapat membuat satu ringkasan sejarah yang bermula dari tahun 1960an lagi sehinggalah sekarang.

2.2 Sejarah Internet

- 1960-an - Sejarah bermula apabila semua pakar komputer dan para saintis telah berusaha untuk mencari langkah-langkah atau cara-cara untuk menghubungkan semua talian jaringan pada satu perkongsian untuk mempercepatkan perhubungan antara satu sama lain.
- 1969 – ARPANET (DoD Advanced Research Projects Agency) telah disambungkan kepada ULCA, University of California di Santa Barbara, University of Utah Stanford Research Institute.

- 1975 - Pada tahun ini pengurusan Internet telah ditukar kepada Agensi Pertahanan dan Komunikasi Amerika Syarikat
- 1979 - Penggunaan USENET telah mula menawarkan siarannya secara meluas kepada seluruh dunia
- 1981 - BITNET (Because It's Time Network) mula menawarkan perkhidmatan e-mail dan lain-lain perkhidmatan kepada seluruh dunia sebagai penerbitan maklumat. CSNET (Computer Sciene Network) menawarkan perkhidmatan e-mail kepada orang ramai.Kini , orang ramai dapat mengekses Internet menggunakan desktop komputer.
- 1982 - TCP/IP (Transmission Protocol Control / Internet Protocol) menjadi jaringan komunikasi yang standard dalam ARPANET.
- 1983 - MILNET dan DDN (Defense Data Network) berpecah daripada ARPANET.
- 1984 - Domain Name Server (DNS) mula diperkenalkan.
- 1986 - Cleveland FreeNet mula diperkenalkan dan beroperasi.
- 1987 - National Science Foundation (NSF) telah menandatangani perjanjian selama 5 tahun sebanyak 14 juta bersama IBM , MCI dan Michigan Educational Research Information Triad untuk menguruskan jaringan tersebut.
- 1988 - Robert Morris Jr. melepaskan "worm" ke dalam Internet.Banyak komputer telah rosak akibat daripada "worm" ini.
- 1990 - CERN (European Particle Physics Laboratory di Switzerland) mengembangkan World Wide Web.
- 1991 - NSF menghapuskan had penggunaan komersial Internet. DoDDS mula menggunakan CC:Mail

- 1992 - Kongres telah menerbitkan National Research and Education Network (NREN) sebagai wawasan untuk menyediakan bidang pengajaran dan penyelidikan untuk masyarakat. NREN tidak dibiayai oleh mana-mana.
- 1994 - Video digital dan audio mula tersebar di Internet.
- 1995 - Sekolah DODDS di Okinawa telah menerbitkan sambungan Internet.

Selepas itu Internet telah menjadi lebih raya siber kerana penggunaannya sangat penting pada hari ini. Semua lapisan masyarakat menggunakan Internet dengan sebaiknya untuk kemudahan berhubung antara satu sama lain walaupun yang jauh mahupun yang dekat. Oleh yang demikian dengan adanya Internet juga dapat mencari maklumat dengan lebih terperinci dan lebih berkesan. Oleh itu masyarakat sekarang banyak menggunakan Internet sebagai perhubungan antara satu sama lain. Seperti juga di negara kita Malaysia penggunaan internet semakin meluas terutamanya bagi pelajar. Ini kerana penggunaan Internet dapat mencari maklumat yang lebih berkesan dan dapat menjimatkan masa. Dengan ini juga dapat di simpulkan Internet adalah satu cara perhubungan yang canggih dan dapat mencari segala maklumat dengan lebih cepat dan berkesan tanpa membuang banyak masa.

2.3 Apa itu WWW?

Pada akhir tahun 1980-an, Dr Berners-Lee telah menulis perisian yang membolehkan halaman dalam komputernya dihubungkan menggunakan katakunci. Perkembangan selanjutnya membolehkan dokumen dalam pelbagai komputer dihubungkan selagi ia dihubungkan ke Internet. Format dokumen ini dinamakan HTML (Hypertext Markup Language)

Ianya berfungsi dengan menggabungkan teks dan grafik dalam satu dokumen atau antaramuka pengguna yang sama. Ianya juga mampu menggabungkan audio, video dan juga animasi dalam satu dokumen yang sama. Oleh itu dokumen Web boleh dianggap sebagai sebuah dokumen multimedia. Dokumen Web juga merupakan dokumen hiperteks yang boleh mengandungi pautan ke dokumen-dokumen yang lain atau lokasi lain. Gabungan hiperteks dan multimedia menjadikan Web sebagai satu aplikasi hipermedia yang unik dan mempunyai potensi yang besar.

WWW membolehkan aplikasi dan perkhidmatan yang bercorak multimedia disalurkan melalui Internet. Gabungan hiperteks, multimedia dan perkhidmatannya yang berbentuk dalam talian telah menjadikan WWW sebagai satu medium hipermedia yang berpotensi untuk digunakan dalam menjalankan pelbagai aktiviti harian. Kini Web adalah faktor utama yang mendorong perkembangan Internet yang pesat dan mampan. Ia telah digunakan untuk menyebarkan surat khabar, menyiarkan siaran radio dan menyalurkan laporan saham dalam masa nyata.

Kebolehan pelayar WWW (browser) menjadi pelanggan kepada pelbagai pelayan Internet membolehkan ia dijadikan sebagai satu antaramuka yang lengkap untuk menjelajahi Internet. WWW, TELNET, FTP dan kumpulan berita USENET adalah di antara perkhidmatan Internet yang boleh diperolehi secara terus dengan menggunakan URL yang betul.

Hiperteks - boleh ditakrifkan sebagai teks yang mempunyai banyak dimensi. Ia berbeza dari teks biasa seperti buku, artikel dan sebagainya yang ditulis dalam bentuk yang berturutan, manakala hiperteks ditulis dalam bentuk yang tidak linear. Hiperteks hanya boleh wujud dengan bantuan komputer. Melalui penggunaan komputer, sebuah dokumen hiperteks boleh dimasukkan pautan yang boleh menyambungkan pembaca ke dokumen

lain atau ke bahagian lain dalam dokumen yang sama atau ke komputer-komputer lain yang terdapat dalam satu rangkaian seperti Internet. Dokumen hiperteks yang digunakan dalam WWW dipanggil dokumen HTML.

URL (Uniform Resource Locator / Penunjuk Sumber Seragam) – Satu format arahan yang digunakan untuk mengarahkan pelayar web menghubungi sesuatu pelayan aplikasi Internet yang dikehendaki.

HTML (Hypertext Mark up Language) – Bahasa yang digunakan untuk membina halaman Web.

Pelayar Web (Browser) – Program pelanggan yang digunakan untuk memaparkan halaman yang dihantar oleh pelayan yang ia hubungi. Terdapat 2 jenis pelayar yang sering digunakan untuk menjelajahi WWW iaitu Netscape Navigator dan Microsoft Internet Explorer.

Web berfungsi dengan menggunakan protokol yang dipanggil protokol pemindahan hiperteks (*hypertext transfer protocol* – HTTP). Secara amnya, HTTP adalah protokol yang menyatakan bagaimana pelanggan HTTP (pelayar web - *browser*) harus berinteraksi dengan pelayan HTTP (pelayan web – *web server*) bagi membuka dan menutup sambungan, meminta dan menerima sesuatu dokumen HTML dan sebagainya.

2.4 Kajian Penemuan Di Internet

Pada masa kini, sememangnya terdapat banyak laman-laman web masakan dan resepi yang tersedia dalam internet. Namun begitu, masih tidak terdapat lagi laman web masakan yang dibina khusus untuk setiap festival di Malaysia. Setiap faktor dan ciri-ciri laman web yang ditemui di internet telah dikaji dan dibahagikan kepada tiga faktor iaitu:-

i) Kandungan

- Maklumat berinformasi tentang makanan mengikut festival.
- Manipulasi antaramuka yang menarik dan mudah.
- Pembilang bilangan pengunjung laman web
- Tahap kedudukan (*rating*)

ii) Persembahan

- Butang navigasi untuk melayari laman web dan *scroll up* dan *scroll down*.
- Guna frame atau tidak untuk paparkan maklumat.
- Kemudahan pencarian

iii) Perkhidmatan

- Ruangan feedback untuk maklumbalas pengguna.
- Enjin carian disediakan
- Glosari resepi mengikut festival.
- Maklumbalas pengguna dan webmaster.
- Cadangan resepi baru
- Maklumat lain seperti artikel berkaitan kesihatan, petua dan tips, penawar dan glosari rempah ratus.
- *Link* kepada web masakan lain.
- Lain-lain perkhidmatan seperti *e-mail* dan ruangan *chat*.

Alamat URL

1. www.clickwok.com
2. <http://ucsee.eecs.berkeley.edu/~soh/mrecipe.html>
3. <http://cikgu.net/raya/aidilfitri.html>


Organisasi

ILG Digital Media

UCSEE

Skali

4. <http://cikgu.net/malay/chinese/delicacies.php3> Skali
5. http://www.keluarga.net.my/aidiladha/resepi_1.html Skali



Gambarajah 2.1 : Contoh Laman Web Cikgu.Net Edisi Khas Aidilfitri



Gambarajah 2.2 : Contoh Laman Web www.clickwok.com

FAKTOR & CIRI	1	2	3	4	5
Maklumat/informasi	√	√	√	√	√
Dengan penerangan	√		√	√	√
Antaramuka grafik/tekstual	√		√	√	√
Antaramuka tekstual sahaja		√			
Antaramuka frame/table	√		√	√	√
Pembilang bilangan pengguna					
Butang navigasi	√		√	√	√
Browser sahaja	√		√	√	√
Browser dan enjin pencari	√				
Ruangan <i>feedback</i>	√				
Glosari	√				
Maklumbalas dari webmaster	√		√	√	√
Cadangan resepi baru	√				
Artikel tambahan	√		√	√	√
Kuiz/promosi					
Rating	√				
Link web berkaitan				√	√
Khidmat pengiklanan	√			√	√
Lain-lain khidmat	√			√	√

Jadual 2.1 Senarai laman web yang telah dibuat kajian

2.4.1 Perbandingan Kajian

Kajian yang telah dijalankan ke atas laman-laman web terpilih ini, terdapat beberapa kelebihan dan kelemahan yang diperolehi:-

1. URL : www.clickwok.com

Kelebihan

Sebuah laman web yang amat menarik kerana penuh dengan informasi yang berguna contohnya petua dan tips masakan, penawar daripada bahan semulajadi, kuiz pilihan yang ditukar setiap minggu. Mempunyai rekabentuk antaramuka yang sangat ramah pengguna.

Kelemahan

Laman web ini dalam Bahasa Indonesia. Jadi agak sukar untuk difahami oleh pengguna dari luar negara Indonesia.

2. URL : <http://ucsee.eecs.berkeley.edu/~soh/mrecipe.html>

Kelebihan

Mempunyai beberapa jenis resipi Malaysia yang mudah dicapai pengguna.

Keburukan

Rekabentuk antaramuka yang tidak menarik. Agak menjemukan kerana tiada grafik yang dipaparkan di laman web ini. Resipi yang dipaparkan juga sedikit.

3. URL : <http://cikgu.net/raya/aidilfitri.html>

Kelebihan

Mudah untuk melayari laman web ini kerana butang navigasinya tersusun dan konsisten. Laman web ini menyediakan beberapa resipi pada perayaan Aidilfitri.

Kekurangan

Rekabentuk antaramukanya kurang menarik. Agak membosankan dan ruangan navigasi juga tidak menarik.

4. URL : <http://cikgu.net/malay/chinese/delicacies.php3>

Kelebihan

Sebuah laman web yang menarik. Menerangkan tentang perayaan Tahun Baru Cina di Malaysia. Juga menyediakan resepi yang biasa disajikan oleh masyarakat Cina pada perayaan ini. Ruangan tambahan seperti chat juga disediakan.

Kekurangan

Tiada paparan imej untuk resepi yang ditunjukkan.

5. URL : http://www.keluarga.net.my/aidiladha/resepi_1.html

Laman web yang menerangkan tentang perayaan AidilAdha yang disambut di Malaysia. Menyediakan beberapa resepi dengan paparan antaramuka yang menarik.

Kelemahan

Kurang resepi yang disediakan untuk tatapan pengguna.

2.5 Kajian Pembangunan Sistem

Pengenalan

Antara kajian yang telah dijalankan ialah dari segi kriteria yang diperlukan oleh sesebuah laman web tersebut. Selain daripada persekitaran pembangunan, ciri-ciri yang perlu ada pada laman web, kebaikan dan masalah yang bakal dihadapi juga dibincangkan. Perancangan awal bagi pembangunan sistem serta penilaian perkakasan dan perkakasan turut dilaksanakan.

Laman web kiosk Festive Food Online merupakan laman web yang menyediakan pelbagai maklumat berinformasi kepada pengguna. Pelbagai grafik dan paparan yang berwarna-warni akan dapat menarik perhatian dan minat pengguna supaya tidak menjadi bosan. Butang navigasi yang disusun secara konsisten memudahkan lagi capaian dan mengelakkan pengguna dari kehilangan arah dan senang untuk pencarian.

Laman ini juga menyediakan perkhidmatan lain seperti enjin carian, ruangan maklumbalas pengguna dan pihak pentadbir, peluang kepada pengguna mencadangkan resepi baru dan petua dan penawar semulajadi untuk menjamin kesihatan pengguna.

2.5.2 Ciri-Ciri Pada Laman Web

2.5.1 Kriteria Sistem

Antara kriteria yang diperlukan untuk membina laman web kiosk Festive Food Online ini ialah:-

i) Mesra Pengguna

Membolehkan pengguna melayari laman web ini tanpa rasa keliru dan tidak hilang arah. Butang navigasi yang disediakan adalah jelas dan konsisten kedudukannya di setiap halaman. Contohnya, pengguna tidak perlu melihat paparan sebelum berulang kali jika hendak kembali ke halaman utama kerana pada setiap halaman ada menyediakan butang navigasi kembali ke halaman menu utama.

ii) Global

Capaian pengguna adalah tidak kira masa dan tempat pengguna berada. Tidak kira dimana sahaja lokasi pengguna asalkan terdapat talian internet disitu. Tiada penghadan seperti teknologi tradisional.

iii) Kemaskini Dinamik

Jaminan kemaskini yang pantas kerana maklumat disimpan dalam pangkalan data pada pelayan yang boleh dicapai oleh pihak pentadbir pada bila-bila masa sahaja.

iv) Interaktif

menyediakan kemudahan meklumbalas kepada pengguna. Contohnya komunikasi dua hala iaitu antara pengguna dan pihak pentadbir seperti ruangan maklumbalas yang menyediakan kemudahan perbincangan antara pentadbir dan pengguna serta pengguna dengan pengguna.

2.5.2 Ciri-Ciri Pada Laman Web

Sebuah laman web yang baik akan berjaya menyampaikan maklumat dan data kepada pengguna dengan tepat dan menarik. Selain itu, laman web tersebut mestilah tidak mendatangkan masalah kepada pengguna. Antara ciri-ciri laman web kiosk Festive Food Online ialah :-

i) Kandungan

- Resepi yang dipaparkan dalam laman web ini benar-benar sesuai untuk disajikan pada hari-hari perayaan dan bertepatan dengan selera masyarakat Malaysia.
- Terdapat maklumat-maklumat tambahan seperti gambar resepi, tetapi mestilah tidak terlalu besar untuk memudahkan pengguna memuat turun resepi tersebut.
- Selain itu, terdapat cadangan hidangan, kiraan nilai kalori dan sebagainya.

ii) Persembahan

- Laman web dipersembahkan dalam bentuk frame dan menggunakan teknik sokongan multimedia seperti sistem bunyi dan sebagainya.
- Penyusunan mukasurat yang menarik dan konsisten akan menarik minat pengguna untuk melayari laman web ini.

iii) Jejak Pengguna

- pembilang pelawat digunakan untuk membuat analisis pengunjung yang mengunjungi laman web ini.

iv) Perkhidmatan komputasi

- Pengiraan untuk cadangan hidangan dimana pengguna boleh mengagak sukatan yang akan digunakan untuk mencuba resipi dalam paparan laman web ini.

v) Enjin Carian

- Perkhidmatan enjin carian berfungsi membantu pengguna mencari resepi dengan lebih cepat dan mudah. Resepi akan disusun mengikut kategori perayaan masing-masing.

2.5.3 Persekitaran Pembangunan

Untuk membangunkan beberapa aspek telah dapat dikenal pasti dalam menyokong dan memastikan aplikasi laman web ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Tiga aspek tersebut ialah :-

i) Model Pelanggan Pelayan (client server model)

Pelanggan dan pelayan adalah entiti logikal yang terasing dan bekerja bersama dalam rangkaian untuk menyelesaikan suatu tugas. Ciri-ciri pelanggan pelayan ialah:-

- a) Perkhidmatan – Pelanggan Pelayan ialah satu hubungan antara proses-proses yang dilarikan pada mesin yang berlainan. Proses yang dijalankan oleh Pelayan ialah menyediakan perkhidmatan. Pelanggan ialah pengguna perkhidmatan. Client/Server menyediakan pemecahan yang sempurna mengikut fungsi berdasarkan perkhidmatan yang disediakan.

b) Perkongsian sumber – satu pelayan boleh melayan beberapa pelanggan dalam satu-satu masa dan mengatur capaian ke dalam perkongsian sumber.

c) Protokol simetri – terdapat hubungan banyak ke satu antara pelanggan dan pelayan. Pelanggan selalu memulakan dialog dengan memohon perkhidmatan manakala pelayan menunggu permintaan daripada pelanggan.

ii) Uniform Resource Locator (URL)

Satu format arahan yang digunakan untuk mengarahkan pelayar web menghubungi sesuatu pelayan aplikasi Internet yang dikehendaki.

iii) Common Gateway Interface (CGI)

Suatu protokol piawai dimana pengguna boleh berinteraksi dengan aplikasi pelayan web. Oleh yang demikian, CGI menyediakan satu cara untuk pelanggan (contoh; pelayar web) berantaramuka secara tidak langsung dengan aplikasi pada pelayan web.

Kesemua aspek ini merupakan contoh yang diambil secara amnya kerana keperluan ini bergantung kepada kepentingan dan keperluan sistem itu sendiri.

2.5.4 Kebaikan dalam aplikasi Web

Pelbagai kebaikan yang boleh diperolehi apabila menggunakan aplikasi web sebagai alternatif untuk menyampaikan maklumat dan berkongsi capaian data. Antara kebaikannya ialah:-

i) Kebebasan Platform

Boleh berhubung antara pengguna dengan pengguna dan pentadbir dengan pengguna walaupun penyokongan platform adalah berbeza antara satu sama lain.

ii) Antaramuka

Antaramuka yang dihasilkan melalui aplikasi web adalah menarik dan tidak mengelirukan. Dengan adanya kemudahan butang navigasi, pengguna tidak perlu membuka banyak tetingkap untuk proses pencarian.

iii) Sokong pelbagai format data

Penggunaan Hiperteks Markup Language (HTML) dan Rich Text Format (RTF) yang boleh dipilih oleh pengguna.

iv) Protokol yang mudah

Protokol yang digunakan bagi mencapai aplikasi adalah mudah dan hampir sama dengan kebanyakan platform yang lazim digunakan.

v) Alternatif kepada pengguna

Pengguna boleh membuat pilihan daripada pelbagai alternatif yang telah disediakan untuk penyampaian maklumat.

vi) Mudah Dan Capaian Maklumat Yang Pantas.

Penyampaian maklumat dapat dilaksanakan dengan cepat dan mudah dengan adanya kemudahan seperti enjin carian atau alamat laman web tersebut.

vii) Kos Rendah Dan Menjimatkan Masa

Berbanding dengan bahan rujukan lain. Aplikasi web adalah lebih murah dan menjimatkan masa.

viii) Global

